



KEKOSONGAN JAWATAN

FELO GIG EKONOMI (Pengajaran)

Warganegara (Kontrak)- 2 kekosongan Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Sains Malaysia

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik mempelawa calon-calon yang memenuhi kriteria berikut untuk memohon kekosongan jawatan Felo GIG Ekonomi (Pengajaran) (Kontrak)

BIDANG

- Bidang Kejuruteraan Elektronik dengan pengkhususan:-
 1. Perhubungan (e.g., keselamatan rangkaian, pemprosesan isyarat Perhubungan, FPGA)
 2. Mikroelektronik (e.g., rekabentuk litar bersepadu analog atau digital)

KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Elektronik (Perhubungan atau Mikroelektronik) yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sijil pendaftaran jurutera profesional, P.Eng. (Ir).
- Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan rekod pencapaian yang baik dalam penerbitan serta berpengalaman dalam pengajaran.
- Pemohon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.

KRITERIA TAMBAHAN

- Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berindeks (penerbitan berindeks WoS) atau setara dan membuktikan tahap kecemerlangan dalam penyelidikan.
- Menunjukkan sifat kreatif dan inovatif serta dedikasi yang tinggi sebagai pendidik.
- Calon yang mempunyai pengalaman industri dalam bidang berkaitan di atas akan diberi keutamaan.

DESKRIPSI BIDANG TUGAS YANG AKAN DISANDANG

KPI PENGAJARAN

- Mengelolakan kuliah peringkat pra- dan pasca-siswazah bagi kursus-kursus berkaitan komunikasi atau mikroelektronik, sekurang-kurangnya 7 jam kredit (dua kursus) bagi setiap semester.
- Menyelia dan menilai projek-projek pra-siswazah, sekurang-kurangnya dua pelajar bagi setiap sidang akademik.
- Melaksanakan pengajaran dan dokumentasi berdasarkan pendidikan berasaskan hasil (*Outcome Based Education – OBE*).

KPI PENYELIDIKAN

- Menjalankan kerja-kerja penyelidikan.
- Menyelia pelajar pascasiswazah (Ijazah Sarjana & Kedoktoran).
- Memperolehi sekurang-kurangnya satu (1) geran penyelidikan sebagai penyelidik utama.
- Menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel penyelidikan di dalam jurnal berindeks WoS.
- Libatsama industri dalam penyelidikan.

KPI PENTADBIRAN

- Memberi kerjasama dalam aktiviti-aktiviti anjuran pusat pengajian atau universiti.
- Bersedia menyumbang tenaga dan kepakaran demi kepentingan pusat pengajian.

CARA MEMOHON

Majukan secara email (*nyatakan tajuk emel PERMOHONAN JAWATAN FELO GIG EKONOMI WARGANEGARA KONTRAK*):

1. Butiran jaya diri (CV)
2. Surat permohonan
3. Sijil-sijil akademik
4. Sijil pendaftaran jurutera profesional
5. Penerangan ringkas pelan/rancangan pengajaran dan penyelidikan
6. Dokumen-dokumen yang berkaitan (penerbitan jurnal dll)

TARIKH TUTUP : 29 APRIL 2022

Dekan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
(u/p Pn. Hajar Zituakmar)
Emel : zituakmar@usm.my

PENTING:

HANYA CALON YANG DISENARAI PENDEK SAHAJA YANG AKAN DIPANGGIL UNTUK TEMUDUGA